

# Mahasiswa cacat separa penglihatan genggam ijazah

UB 24.11.2015 A1

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Insan ini tidak pernah merasa penat dan terus berusaha walaupun kepayahan yang ditanggungnya itu amatlah berat sekali apatah lagi selaku mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau yang mengalami kecacatan separa penglihatan sejak kecil lagi hanya bergantung kepada kanta digital bagi melihat setiap patah perkataan sepanjang pengajiannya tiga tahun itu.

Beliau yang dimaksudkan ialah Lim Han Chiet, 24, yang baru sahaja berjaya menamatkan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa kelmarin.

Lim yang berasal dari Sungai Patani Kedah tidak menjangka mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang berkenaan di negeri ini.

Katanya, bermula tahun kemasukan pengajian, kursus berkenaan dilihat amat payah untuk dipelajari apatah lagi dengan kemampuannya yang terhad itu.

Bagaimanapun, beliau tidak pernah berputus asa dan tidak melihat kekurangan itu sebagai halangan tetapi dijadikan cabaran untuk mencapai impian yang dihajatinya selama ini.

"Kursus Hubungan Antarabangsa adalah satu kursus yang pertama kali saya pelajari dan saya sememangnya sukar memahami apa yang pensyarah ajar.

"Namun, selang beberapa tahun kemudian, saya mula faham dan menyukai bidang ini. Bagi saya ia satu bidang yang amat menarik untuk dipelajari," katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen Sidang kelima kali ke-17 UMS, di sini kelmarin.

Seramai 762 graduan daripada Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) terlibat pada Sidang Kelima majlis berkenaan. Manakala, seramai 809 graduan bagi Sidang Petang iaitu dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).

Lim berkata, walaupun sukar baginya untuk hidup di perantauan dengan kemampuan fizikalnya yang terhad itu, beliau sentiasa berusaha belajar berdikari tanpa melibatkan bantuan ibu bapanya.

Beliau sememangnya mengerti akan kepayahan ayahnya yang bekerja sebagai pemandu lori, manakala ibunya hanya sebagai suri rumah dengan menanggung beban yang berat untuk menyekolahkan dua lagi adiknya.

"Di sini, meskipun tanpa bantuan ibu bapa, saya amat gembira kerana kawan-



LIM

kawan saya sentiasa memberikan bantuan dan sokongan sepanjang tiga tahun saya belajar.

"Namun, saya tidak pernah mengharap sepenuhnya bantuan semata-mata, tetapi cuba berdikari agar saya tahu kejayaan yang saya dapat perolehi daripada penat lelah saya sendiri," katanya.

Lim merancang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi lagi iaitu Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang yang sama.